



SEMINAR KESEDARAN KESELAMATAN SIBER DAN HAK-HAK WANITA DALAM ISLAM

PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI



24 OGOS 2017

PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' WAN ALI BIN BESAR
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN
SEMINAR KESEDARAN KESELAMATAN SIBER
DAN HAK-HAK WANITA DALAM ISLAM
SEMPENA SAMBUTAN HARI WANITA KEBANGSAAN

ANJURAN

BIRO ICT, PUSPANITA CAWANGAN KDN

Dengan kerjasama

BIRO PEMBANGUNAN WANITA, KELAB KDN DAN JABATAN
PUSPANITA PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

PADA

24 OGOS 2017 (KHAMIS)

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLLAHI WABARAKATUH.

YANG BERBAHAGIA DATIN SAKINAH BINTI OMAR

PENGERUSI PUSPANITA CAWANGAN KECIL IBU PEJABAT KDN;

YANG BERUSAHA PUAN HASHIMAH BINTI NIK JAAFAR

SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN (PENGURUSAN)

MERANGKAP PENGERUSI BIRO PEMBANGUNAN WANITA, KELAB KDN;

YANG BERUSAHA PUAN FUZIAH BINTI ABU HANIFAH

SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT;

YANG BERBAHAGIA DATIN JAIYAH BINTI SHAHBUDIN

PENGERUSI PUSPANITA CAWANGAN JABATAN PENDAFTARAN
PERTUBUHAN MALAYSIA;

YANG BERBAHAGIA DATIN SRI/DATIN TIMBALAN PENGERUSI PUSPANITA
KDN;

YANG BERBAHAGIA DATIN/PUAN PENGERUSI CAWANGAN KECIL
JABATAN DAN AGENSI;

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA BAHAGIAN;

PARA PENCERAMAH DARIPADA CYBER SECURITY MALAYSIA, MDEC DAN
HAZIZAH & CO.; DAN

AHLI-AHLI PUSPANITA YANG DIKASIHI SEKELIAN.

1. ALHAMDULILLAH, SYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN IZIN-NYA JUA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA PADA PAGI INI DI SEMINAR KESEDARAN KESELAMATAN SIBER DAN HAK-HAK WANITA DALAM ISLAM, YANG SAYA KIRA IANYA SANGAT RELEVAN DENGAN SITUASI KITA PADA MASA KINI.
2. SAYA JUGA MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA JAWATANKUASA PENGANJUR KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA UNTUK HADIR BERSAMA DI MAJLIS PERASMIAN SEMINAR PADA PAGI INI.
3. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA JAWATANKUASA PENGANJUR DI ATAS SEMINAR YANG DIADAKAN PADA HARI INI. SESUNGGUHNYA, PENGANJURAN SEMINAR INI MERUPAKAN SESUATU YANG ISTIMEWA KERANA:-
 - a. IANYA DIANJURKAN DENGAN MENGAPLIKASIKAN KONSEP STRATEGI LAUTAN BIRU ATAU BLUE OCEAN STRATEGY (BOS) SECARA BERSAMA DIANTARA BIRO ICT, PUSPANITA CAWANGAN KDN, BIRO PEMBANGUNAN WANITA KELAB KDN DAN PUSPANITA JABATAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM); SERTA
 - b. MENAMPILKAN BARISAN PENCERAMAH YANG MEMPUNYAI PENGALAMAN YANG LUAS DALAM BIDANG KESELAMATAN SIBER DAN HAK-HAK WANITA DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM;
4. SELAIN ITU, PENGANJURAN SEMINAR KINI JUGA MERUPAKAN ANTARA INISIATIF YANG DIJALANKAN OLEH KEMENTERIAN DAN JABATAN DIBAWAHNYA SEMPENA **SAMBUTAN HARI WANITA KEBANGSAAN** YANG DISAMBUT PADA **25 OGOS** SETIAP TAHUN.

5. WALAU BAGAIMANAPUN, SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT KEBANGSAAN PADA TAHUN INI TELAH DITUNDA KE 4 SEPTEMBER 2017 BAGI MEMBERI LALUAN KEPADA PENGANJURAN SUKAN SEA KE 29 YANG AKAN BERAKHIR PADA 31 OGOS 2017.

HADIRIN-HADIRAT SEKALIAN,

6. SEBAGAIMANA YANG KITA SEDIA MAKLUM, TEMA SAMBUTAN HARI WANITA KEBANGSAAN 2017 IAITU "**WANITA : PENGUBAH EKONOMI GLOBAL**" DIPILIH KERANA IANYA BERTEPATAN DENGAN ASPIRASI TN50 IAITU UNTUK MENINGKATKAN PENYERTAAN WANITA DALAM POLITIK, KEUSAHAWANAN, DUNIA KORPORAT SERTA SAINS DAN TEKNOLOGI. UNTUK ITU, WANITA YANG MENCEBURI BIDANG-BIDANG TERSEBUT PERLU MENJADI LEBIH INOVATIF DAN BERDAYA SAING.
7. JUSTERU ITU, JAWATANKUASA PENGANJUR TELAH MERANGKA PROGRAM SEMINAR PADA HARI INI SEBAGAI SALAH SATU USAHA UNTUK MEMBERI PENDEDAHAN SERTA MEMPERKASA WARGA KEMENTERIAN DAN AHLI PUSPANITA KHUSUSNYA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI. INI TERMASUKLAH PENDEDAHAN MENGENAI ANCAMAN SIBER DAN KESANNYA KEPADA PENGGUNA.
8. WANITA MERUPAKAN SURTI, IBU DAN TULANG BELAKANG SESEBUAH KELUARGA JUGA BERPERANAN UNTUK MEMBERI PENDIDIKAN DAN KESEDARAN KEPADA AHLI KELUARGA MENGENAI PELBAGAI ASPEK PENGETAHUAN DAN KESELAMATAN. DALAM HAL INI, WANITA BOLEH BERTINDAK SEBAGAI BENTENG UTAMA UNTUK MELINDUNGI ANAK-ANAK DARIPADA MENJADI MANGSA ATAU MELAKUKAN JENAYAH SIBER.

9. SELAIN ITU, KERAJAAN JUGA TELAH MERANCANG DAN MENYEDIAKAN PELBAGAI INISIATIF BAGI MEMBANTU RAKYAT UNTUK MENINGKATKAN PENDAPATAN KELUARGA MENERUSI TEKNOLOGI DIGITAL. NAMUN, MASIH RAMAI WANITA DI LUAR SANA YANG TIDAK MENYEDARI PELUANG YANG DISEDIAKAN INI. OLEH ITU, TAKLIMAT MENGENAI PELUANG PENJANAAN PENDAPATAN MELALUI PLATFORM DIGITAL eREZEKI YANG AKAN DISAMPAIKAN OLEH PIHAK MDEC DILIHAT SEBAGAI SANGAT BERTEPATAN DENGAN USAHA TERSEBUT.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

10. WANITA YANG HEBAT ADALAH WANITA YANG TAHU AKAN HAK-HAKNYA DAN BERTINDAK SELARI DENGAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN SEMASA. SAYA DIFAHAMKAN, PADA HARI INI, PARA PESERTA AKAN TURUT DIDEHAHKAN MENGENAI HAK-HAK WANITA YANG TERMAKTUB DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM SERTA BANTUAN GUAMAN YANG DISEDIAKAN OLEH PIHAK KERAJAAN DAN NGO KEPADA WANITA YANG BERHADAPAN DENGAN MASALAH BERKAITAN. OLEH ITU, SAYA MENYERU AGAR PARA PESERTA SEKALIAN UNTUK MENGGUNAKAN PELUANG DAN KESEMPATAN YANG ADA INI UNTUK MENDAPATKAN PENJELASAN DAN MAKLUMAT BERKAITAN SEBAGAI RUJUKAN DAN PANDUAN DI MASA HADAPAN.
11. AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA PUSPANITA DI ATAS PENGANJURAN SEMINAR PADA HARI INI DAN BERHARAP AGAR ILMU DAN INFORMASI YANG AKAN DIKONGSIKAN OLEH PARA PENCERAMAH DAPAT DIMANFAATKAN SEPENUHNYA OLEH PARA PESERTA.

12. DENGAN LAFAZ BISMILLAHI RAHMANIRRAHIM SAYA DENGAN INI
MERASMIKAN SEMINAR KESEDARAN KESELAMATAN SIBER DAN
HAK-HAK WANITA DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM.

SEKIAN , TERIMA KASIH.

WABILLHAHHITAUFIK WALHIDAYAH.

WASSALAMUALIKUM WARAHMATULLAH HIWABARATUH.